

D700

R B445 DEB
KESATUAN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 OKT (BERNAMA) -- PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA HARI INI MENGANGGAP NASIHAT PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, SUPAYA SEMUA INDIVIDU TIDAK MEMBANGKITKAN KENYATAAN-KENYATAAN YANG BERBENTUK PROVOKASI SEBAGAI TEPAT UNTUK MENENANGKAN SUASANA POLITIK SEKARANG.

PRESIDEN MTUC, ENCIK ZAINAL RAMPAK, MENYERU AHLI-AHLI POLITIK SUPAYA BERPEGANG KEPADA FALSAFAH PERJUANGAN KESATUAN SEKERJA YANG MEMBELA HAK PEKERJA TANPA MEMBEZAKAN KAUM DAN HIDUP HARMONI UNTUK SEMUA KAUM.

KATANYA, DASAR DAN PERJUANGAN MTUC ADALAH UNTUK PERPADUAN DAN KEHARMONIAN DI KALANGAN SEMUA.

SEMALAM KETIKA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARI VANCOUVER, PERDANA MENTERI MENASIHATI SEMUA PIHAK KHUSUSNYA AHLI POLITIK SUPAYA TIDAK MEMBANGKITKAN KENYATAAN BERSIFAT PROVOKASI UNTUK MENJAMIN KESTABILAN DAN KEAMANAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMINTA RAKYAT SUPAYA BERHENTI DARIPADA MEMBUAT TANGGAPAN NEGATIF MENGENAI SUASANA POLITIK PADA MASA INI. -- LAGI.

1534MST 22 10 87

D710

R B446 DEB
KESATUAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

ENCIK ZAINAL BERKATA, TIADA SESIAPA YANG AKAN BERUNTUNG DARIPADA PENONJOLAN KENYATAAN BERBENTUK PROVOKASI ITU.

SEBALIKNYA AHLI-AHLI POLITIK PADA MASA SEKARANG PERLU BERGANDING BAHU MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA, TAMBAH BELIAU LAGI.

PENDAPAT ENCIK ZAINAL DISOKONG OLEH PRESIDEN CUEPACS, ENCIK A. RAGUNATHAN YANG MENYATAKAN BAHAWA TUMPUAN HARUS DIBERIKAN KEPADA PEMBANGUNAN SEMULA EKONOMI NEGARA KHUSUSNYA MENYELESAIKAN MASALAH PENGANGGURAN YANG SEMAKIN MENINGKAT.

BELIAU BERKATA, KENYATAAN YANG DIBANGKITKAN OLEH BEBERAPA TOKOH POLITIK KEBELAKANGAN INI ADALAH UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI YANG BOLEH MENIMBULKAN KETEGANGAN DI KALANGAN ORANG AWAM. -- BERNAMA.

1537MST 22 10 87